

Tarikan unik di Muzium Alam Semulajadi

PUTRAJAYA 9 Feb. - Orang ramai berpeluang melihat sendiri keunikan burung-burung dari seluruh dunia pada Pameran Hásil, Alam Semulajadi dan Keajaiban Seni (Nyawa): Burung di Muzium Alam Semulajadi, Presint 15 di sini.

Pengarah muzium berkenaan, Farizawati Sabri berkata, pameran yang merupakan kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) bermula 28 Januari lalu dan berakhir pada 15 Mei ini.

Katanya, pameran itu yang mengetengahkan burung bertujuan memupuk kesedaran dan pemahaman dalam kalangan orang ramai tentang keunikan fauna di sekeliling mereka.

"Antara yang menjadi tarikan kali ini adalah burung lang siput atau lang laut. Selain itu, satu model sarang *bowerbird* juga dipamerkan.

"Apa yang menarik tentang burung *bowerbird* ini adalah sarangnya dihiasi barang-barangan kitar semula seperti penyedut minuman dan botol berwarna warni bagi menarik perhatian burung betina," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Jelas Farizawati, terdapat juga hasil seni berkaitan burung dipamerkan termasuk jebak, pintu ukiran dan sangkar bagi mencerminkan budaya masyarakat tempatan yang begitu sinonim dengan

haiwan tersebut sejak dahulu lagi.

Katanya, sambutan orang ramai terhadap pameran tersebut adalah menggalakkan dan beliau berharap lebih ramai dapat mengunjungi muzium tersebut.

"Muzium ini akan terus mempamerkan pelbagai elemen menarik merangkumi pelbagai spektrum alam semulajadi pada masa depan," katanya.

Orang ramai boleh mengunjungi muzium berkenaan setiap hari bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang.

Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi talian 03-88902884 dan 03-88880193 atau laman Facebook Natural History Museum Putrajaya.